

Lapan juta bakal terima sumbangan Rahmah 26 Jun



**ANWAR
IBRAHIM**

Oleh **MAISARAH
SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Lebih lapan juta kumpulan B40 bakal menerima Sumbangan Tunai Rahmah Fasa 3 (STR 3) mulai Isnin ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan memutuskan pembayaran STR 3 dipercepatkan dengan disalurkan

kepada penerima sebelum Hari Raya Aidiladha berbanding jadual asal bulan depan.

Menurut beliau, pembayaran tersebut membabitkan peruntukan lebih RM2 bilion dengan penerima akan menerima antara RM100 hingga RM1,300 berdasarkan kelayakan masing-masing.

"Bantuan STR bagi meringankan beban kewangan rakyat," kata Perdana Menteri dalam kenyataan semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, fasa pertama dan kedua STR disalurkan pada bulan Januari dan April lepas.

Katanya, ketiga-tiga fasa STR ini melibatkan peruntukan pem-

bayaran berjumlah RM5 bilion bagi tahun ini, manakala pembayaran fasa keempat STR dijangka pada bulan November depan.

"Sebagai langkah memastikan program STR 3 ini disasarkan kepada mereka yang layak, tempoh permohonan rayuan akan dibuka mulai 3 hingga 31 Julai ini.

"Bagi permohonan yang ditolak, pemohon boleh mengemukakan dokumen berkaitan untuk semakan semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)," katanya.

Maklumat lanjut berkaitan pembayaran STR 3 ini boleh dilayari di Portal Rasmi STR <https://bantuantunai.hasil.gov.my>.